

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Asasi Pengurusan
Sent: Monday, April 2, 2018 9:51 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Abd Razak B Yaakub; Prof. Madya Dr. Munif Zariruddin Fikri b. Nordin; Dr. Mohamed Ali bin Haniffa; Faizah Bt Hashim
Subject: TEATER "DEMI WAKTU" TONJOL BAKAT LAKONAN PELAJAR ASASI PENGURUSAN



Pusat Asasi Pengurusan

CENTRE FOR FOUNDATION STUDIES IN MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

02 April 2018 / 15 Rejab 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

TEATER "DEMI WAKTU" TONJOL BAKAT LAKONAN PELAJAR ASASI PENGURUSAN



PAP ONLINE : Exco Kebudayaan, Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan telah mengadakan pementasan teater bertajuk "Demi Waktu" di Dewan Budi Siswa, Pusat Budaya dan Seni pada 20 Mac 2018 yang lalu.

Teater garapan pengarah muda, saudara Muhammad Amir bin Mohd Zuki dan skrip yang ditulis oleh Raja Nurul Farhana Raja Muhamad Putra mengandungi tiga babak yang mengisahkan kerakusan manusia menindas golongan yang lemah, mengejar duniawi serta pengabaian ibu bapa.

Mesej yang terkandung di dalam ketiga-tiga babak tersebut sangat memberi kesan kepada para penonton terutamanya dalam babak akhir bertajuk “Ayah”. Babak tersebut mengisahkan tentang kesibukan anak-anak dengan kehidupan dunia sehingga sanggup mengabaikan orang tua mereka di kampung.

Kesemua watak di dalam teater “Demi Waktu” dilakonkan oleh para pelajar Asasi Pengurusan sesi 2017/2018 dengan bimbingan daripada Kelab Teater Warna, Pusat Budaya dan Seni. Para pelajar menjalani latihan pendek selama dua minggu sahaja bagi menjiwai setiap watak yang dilakonkan.

Bakat lakonan para pelajar dalam semua babak sangat terserlah apabila berjaya membawa setiap watak yang diberikan dengan penuh penghayatan emosi. Keyakinan diri para pelajar menyerlah apabila membuat persembahan dihadapan lebih 200 penonton yang memenuhi dewan. Krew-krew produksi seramai 40 orang juga berjaya mengaplikasikan ilmu dan pengetahuan yang telah diajar oleh kakitangan Pusat Budaya dan Seni serta ahli Kelab Teater Warna dalam menguruskan busana, solekan artis, pencahayaan, audio, prop dan sebagainya.

Menurut Pengarah Teater, Muhammad Amir, pementasan teater tersebut berjaya mencapai objektifnya iaitu bagi mencungkil bakat-bakat lakonan dan pengurusan program dalam kalangan pelajar Program Asasi Pengurusan.

Selain itu, tiket habis dijual sebelum pementasan teater berlangsung. Jualan tiket yang memberangsangkan turut meningkatkan motivasi para pelajar untuk membuat persembahan terbaik. Hasil kutipan akan disumbangkan untuk Majlis Penghargaan dan Makan Malam Pelajar Program Asasi Pengurusan pada awal bulan Mei depan.

Seorang pelajar yang memegang watak sebagai Andak, Muhamad Faiz Fadzli yang ditemu bual selepas tamat pementasan teater berkata “watak sebagai Andak iaitu seorang anak yang degil dan tidak menghormati ibu bapa telah membuatkan saya lebih mengenali diri saya terutama ekspresi diri dan emosi”.

Menurutnya, penglibatannya dalam pementasan teater tersebut adalah satu ilmu baharu dan nilai tambah kepada beliau terutama dalam aspek disiplin diri serta keyakinan diri.

Pementasan Teater “Demi Waktu” turut dihadiri oleh para pensyarah, Pusat Asasi Pengurusan, para pelajar Program Asasi Pengurusan dan alumni Asasi Pengurusan UUM.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata daripada Prof. Madya Dr. Munif Zarirruddin Fikri bin Nordin mewakili Pengarah, Pusat Asasi Pengurusan kepada Encik Huzaidy Haji Hussain, Pengarah Pusat Budaya dan Seni dan Presiden, Kelab Teater Warna di atas kesudian berkolaborasi dengan Pusat Asasi Pengurusan.

Exco Kebudayaan, Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih di atas kerjasama baik daripada pihak pengurusan mahupun para pelajar.

SEKIAN.

=====

DARIPADA:

**PUSAT ASASI PENGURUSAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

TEL.: 04-928 3452/3456

FAKS: 04-928 3453

E-MEL: asasi@uum.edu.my

FACEBOOK: Pusat Asasi Pengurusan

LANAMAN WEB : Pusat Asasi Pengurusan



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.